

KERATAN AKHBAR

| | | | |
|-------------|---|------------------|-----------------|
| AKHBAR | : | SINAR HARIAN | |
| TARIKH | : | 23/4/2019 | MUKA SURAT : 33 |
| JABATAN | : | KATS | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | |

Tiga cadangan atasi gangguan air

Elak masalah akibat kualiti air mental merosot

ROSILAWATI BINTI ROSEDI

RAUB

Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) mengemukakan tiga cadangan kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Raub.

Ini berikutan daerah itu berdepan keklerapan gangguan kerana kualiti air mental merosot terutama selepas hujan, keklerapan paip pecah dan jarak paip pengguna yang terlalu jauh dari loji selain bersaiz kecil.

Setakat tahun ini sahaja, Loji Sungai Bilut di daerah itu tidak dapat beroperasi sebanyak 15 kali kerana kadar tinggi kekeruhan air mental.



Shahiruddin dan Dahnila meninjau Loji Rawatan Air Sungai Bilut, kelmarin.

Pengurus Kanan Pematuhan dan Kualiti Paip, Dahnila Daud memberitahu, cadangan tersebut melibatkan pembinaan dan menyipakan sebuah loji rawatan air baharu di Rotan I tunggal dengan kos sebanyak RM180 juta.

Menurutnya, cadangan kedua ialah membina kolam takungan

taklimat sempena lawatan kerja Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Salehuddin Ishak ke loji rawatan air Sungai Bilut, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Dong, Datuk Seri Shahiruddin Ab Mo'in dan Pegawai Daerah, Datuk Handan Hussin.

Sementara itu, Salehuddin memberitahu rundingan akan dilakukan bersama penduduk dan pemilik tanah di hulu Sungai Bilut itu supaya secara sukarela menghentikan aktiviti di dalam kawasan 20 meter kiri dan kanan tebing sungai terbabit.

Menurutnya, kekeruhan air mental di loji itu melebihi 1,000 NTU berbanding kadar ditetapkan tidak melebihi jumlah tersebut dan paling tinggi dicatatkan kira-kira 11,000 NTU pada November tahun lalu.

"Saya telah mengarahkan Pegawai Daerah Raub, Datuk Hamdan Hussin membubuhkan pasukan petugas untuk proses rundingan.

"Mereka perlu menghentikan

CADANGAN PAIP

1. Pembinaan loji rawatan air baharu di Rotan Tunggal
2. Pembinaan kolam takungan hilir di Sungai Sempan
3. Pembinaan takungan pra mendakan

kerja-kerja pembersihan bagi tujuan pertanian dalam tempoh sebulan dan jika gagal tindakan undang-undang boleh diambil.

"Kerajaan negeri boleh mengambil tindakan di bawah Enakmen Sumber Air Negeri Pahang 2007 yang memperuntukkan denda hingga RM250,000 atau penjara dua tahun," katanya.

Loji yang terletak enam kilometer dari bandar Raub itu mula beroperasi sejak tahun 1920 dan membekalkan air kepada 7,659 akaun pengguna di bandar tersebut dan kawasan perumahan di sekitarnya.